

Program Kesedaran Media dan Awam Mengenai Cuaca Ekstrem, Gempa Bumi dan Tsunami Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2008 telah dilangsungkan pada 19 November 2008 (hari Rabu), 2.30 petang dan berakhir kira-kira jam 5.00 petang.

Program anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Sarawak, YB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam di Auditorium, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak. Turut sama memeriahkan majlis ialah En. Ali Noruddin bin Boying, wakil Setiausaha Persekutuan (SUP) Sarawak dan Setiausaha Keselamatan Negeri, Tn Hj Mansor bin Hj Omar. Selepas majlis perasmian, YB Datuk diiringi oleh Pengarah Pejabat Meteorologi Sarawak, En. Wong Teck Kiong untuk pameran dan majlis sidang media.

Kira-kira 138 orang peserta yang terdiri daripada 23 orang media dan 115 orang wakil orang awam seperti ketua-ketua komuniti dan ketua-ketua jabatan menyertai program ini. Program susulan akan dilaksanakan di Bintulu dan Miri Sarawak yang akan memfokus kepada kesedaran gempa bumi dan tsunami.

Objektif program kesedaran media dan awam antara lain adalah untuk :-

- Memberi kefahaman mengenai bencana cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.
- Menghebahkan kewujudan pusat amaran pelbagai bencana sebagai pusat pemantauan kejadian cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami dan menyebarkan maklumat serta amaran yang berkaitan dengannya.
- Meningkatkan kesedaran di kalangan pihak media dan orang awam mengenai persediaan awal dalam menghadapi cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.
- Memantapkan lagi tindak balas kecemasan agensi kerajaan dan bukan kerajaan terhadap cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.

Aturcara yang dijalankan sepanjang program berlangsung ialah ceramah mengenai Cuaca Ekstrem, Perubahan Iklim dan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional (SAATNM). Majlis Keselamatan Negara pula berperanan sebagai Pengerusi Sesi Ceramah.



Sekitar pendaftaran Program Kesedaran Media dan Awam mengenai Cuaca Ekstrem, Gempa Bumi dan Tsunami Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2008.



Ketibaan perasmi, Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Sarawak, YB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam di Auditorium, Bangunan Sultan



Pameran di ruang legar yang dianggotai oleh Jabatan Kesihatan Sarawak, Bahagian Seismologi dan Pejabat Ramalan Cuaca Sarawak. Iskandar, Kuching, Sarawak.



YB Timbalan Ketua Menteri memberikan ucapan seterusnya merasmikan program.



Sebahagian para peserta yang hadir dalam program media dan awam yang pertama kali dianjurkan di Kuching, Sarawak.



YB Timbalan Ketua Menteri menerima cenderamata daripada Pengarah Pejabat Meteorologi Sarawak, En Wong Teck Kiong dengan diiringi oleh Setiausaha Keselamatan Negeri, Tn Hj Mansor bin Hj Omar (kanan) dan wakil SUP Sarawak, En Ali Noruddin bin Boying.



Sekitar persidangan media bersama YB Timbalan Ketua Menteri.